

10/03/1998

Peniaga kaut untung berlebihan

Zuraida Ab Rashid

KEGAWATAN ekonomi tercetus lagi. Sedang nilai ringgit menjunam, peniaga-peniaga yang ekstrimis berlumba-lumba menaikkan harga barang. Tatkala kerajaan sibuk mencari jalan mengatasi masalah, segelintir masyarakat asyik menuding jari menyalahkan orang lain. Siapa benar dan siapa salah bukan soalnya. Yang penting adalah cara menangkis masalah ini.

Golongan peniaga yang tamak sentiasa mengambil kesempatan dimusim kegawatan ekonomi dengan meletakkan harga barang sesuka hati. Barangan tiruan juga kian meluas di pasaran berikutan sikap pembeli yang tertarik dengan harga yang jauh lebih murah berbanding produk asli walhal barangan berkenaan tidak berkualiti.

Sebenarnya sikap pembeli memainkan peranan amat penting dalam mengawal harga barangan. Seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jika harga sesuatu barangan itu mahal, kita sama-sama mengurangkan pembeliannya sehingga harganya turun semula.

Dalam situasi seperti sekarang masyarakat seharusnya mengamalkan sikap berbelanja mengikut keperluan bukan mengikut kemahuan. Amalan ini mampu menstabilkan belanjawan keluarga dan sekali gus mengelakkan kenaikan harga barangan.

Suri rumah umpama menteri kewangan dalam sesebuah keluarga. Merekalah yang bertanggungjawab dalam urusan perbelanjaan. Justeru kaum ibu haruslah bijak merancang perbelanjaan keluarga pada tahap paling minimum. Terlebih belanja boleh menjadi punca ekonomi rumah tangga turut gawat.

Bagaimanapun kenaikan harga barangan kawalan seperti gula dan tepung? Tepuk dada tanya pihak berkuasa. Sebelum ini kita telah didedahkan dengan pendidikan kepenggunaan oleh persatuan pengguna.

Mengapa tidak kita gunakan pengetahuan ini dalam menghadapi senario seperti sekarang? Pendidikan kepenggunaan mengajak kita menyuarakan masalah menerusi saluran yang betul. Dengan ini orang ramai tidak akan hanya menuding jari kepada pihak tertentu tanpa menerima sebarang perubahan.

Suatu masa dahulu kita pernah diperkenalkan dengan program "Buku Hijau". Mengapa program itu tidak kita praktikkan sekarang? Berbudi kepada tanah tidak akan mendatangkan kerugian. Jika dulu halaman rumah kita dipenuhi pelbagai jenis bunga, kini kita gantikan pula dengan batas sayur-sayuran. Sekurang-kurangnya ia mampu menyusutkan perbelanjaan pasar.

Harga teh tarik antara yang meningkat. Harga roti canai juga begitu. Itu adalah antara rungutan pekerja kilang dan pejabat yang bersarapan pagi di tempat kerja. Apalah yang perlu digaduhkan, bawa saja bekal dari rumah. Mungkin ini memaksa tanggungjawab lebih besar tetapi kita akan berasa lebih puas hati.

Dimana ada kemahuan di situ ada jalan. Masalah lumrah jangan diperbesarkan. Setiap individu seharusnya berganding baru melaksanakan usaha bagi mengatasi masalah ini. Sesungguhnya kunci untuk menyelesaikan kegawatan ekonomi ini ada di tangan kita.

Kiriman

Zuraida Ab Rashid,
Taman Sentosa,
Batu Pahat

(END)